

## BAB IV

### DAPATAN KAJIAN

Kajian ini adalah untuk meninjau persepsi guru-guru Ekonomi Asas Tingkatan 4 sekolah menengah di daerah Batang Padang, Negeri Perak terhadap mutu buku teks Ekonomi Asas Tingkatan 4 KBSM yang diperakukan dan dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Dapatan kajian yang akan dilaporkan merangkumi aspek-aspek berikut :

- i. Bilangan murid yang memiliki buku teks Ekonomi Asas yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan;
- ii. Kesesuaian keseluruhan kandungan buku teks dengan sukatan pelajaran Ekonomi Asas;
- iii. Kekerapan guru menggunakan buku teks ini sebagai bahan bantu mengajar;
- iv. Kesilapan fakta dan maklumat dalam buku teks ini;
- v. Penerangan konsep ekonomi;
- vi. Kesesuaian kandungan buku teks ini dengan tahap pencapaian murid Tingkatan 4;
- vii. Fungsi gambar-gambar, keluk-keluk dan jadual-jadual yang terdapat dalam buku teks;
- viii. Fungsi latihan dan aktiviti yang disediakan dalam buku teks;

- ix. Kesesuaian penggunaan bahasa dengan tahap penguasaan bahasa pelajar Tingkatan 4;
- x. Kesesuaian saiz huruf dalam buku teks;
- xi. Gaya penulisan buku teks;
- xii. Kesesuaian penggunaan istilah-istilah ekonomi;
- xiii. Penggunaan buku teks lain selain buku teks dalam kajian ini;
- xiv. Kegunaan aktiviti, gambarajah, rumusan di akhir bab, glosari dan indeks dari aspek pengajaran dan pembelajaran; dan
- xv. Cadangan guru untuk meningkatkan mutu kandungan buku teks.

#### **Bilangan Murid Yang Memiliki Buku Teks**

Buku teks Ekonomi Asas Tingkatan 4 merupakan salah satu daripada buku Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan. Jadual 4.1 menunjukkan bilangan murid yang memiliki buku teks Ekonomi Asas.

**Jadual 4.1**

**Taburan Bilangan Murid Yang Memiliki Buku Teks Ekonomi Asas  
Yang Dibekalkan Oleh Kementerian Pendidikan Malaysia**

Bilangan Murid Yang Memiliki Buku Teks	Bilangan Guru	
	Kekerapan ( f )	Peratus (%)
1/3 daripada bilangan murid	-	-
½ daripada bilangan murid	1	6
2/3 daripada bilangan murid	2	11.8
Semua murid	14	82.2
Jumlah (N)	17	100

Jadual 4.1 menggambarkan 82.2% guru menyatakan semua murid mereka memiliki buku teks. Ini diikuti oleh 11.8% guru menyatakan 2/3 daripada bilangan murid dan 6% yang menyatakan ½ daripada bilangan murid mereka memiliki buku teks. Keadaan ini mungkin disebabkan sekolah itu kekurangan buku teks.

Berdasarkan jadual tersebut, jelaslah bahawa peratusan murid-murid yang memiliki buku teks Ekonomi Asas adalah tinggi.

## Kekerapan Guru Menggunakan Buku Teks Ekonomi Asas

Kekerapan guru menggunakan sesebuah buku teks menggambarkan persepsi guru terhadap mutu buku teks tersebut. Di samping itu ia juga memberi gambaran mengenai pengaruh, keperluan, dan kepentingan buku teks sebagai bahan bantu pengajaran dan pembelajaran.

Jawapan guru-guru mengenai kekerapan menggunakan buku teks Ekonomi Asas dapat diperhatikan dalam Jadual 4.2 di bawah:

**Jadual 4.2**

**Taburan Peratusan Guru Yang Menyatakan Kekerapan Penggunaan Buku Teks Ekonomi Asas Tingkatan 4 Semasa Mengajar**

Kekerapan Penggunaan Buku Teks	Bilangan Guru	
	(f)	(%)
Setiap Kali Mengajar	1	6.0
Sekali Seminggu	13	76.4
Sebulan Sekali	3	17.6
Jumlah (N)	17	100

Berdasarkan kepada Jadual 4.2, didapati 76.4% guru menggunakan buku teks ini sekali dalam seminggu sebagai bahan bantu mengajar. Sebanyak 17.6% guru menggunakannya sekali sebulan dan hanya 6% menggunakannya setiap kali mengajar.

Dapatan di atas menunjukkan lebih 80% guru menggunakan buku teks sekurang-kurangnya sekali seminggu sebagai bahan bantu mengajar di bilik darjah.

### **Kesesuaian Kandungan Buku Teks Dengan Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas**

Sukacita seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, mata pelajaran Ekonomi Asas telah digubal dengan tujuan untuk memberi pemahaman yang asas dan kukuh mengenai prinsip-prinsip dan konsep-konsep ekonomi supaya pelajar dapat menjalankan tugasnya dengan rasional dan berkesan dalam kehidupan sehariannya. Maka dengan itu, guru-guru ekonomi asas telah ditanya, "Sejauh manakah kandungan buku teks ini sesuai dengan sukatan pelajaran Ekonomi Asas?"

Semua sampel telah memberikan jawapan yang sama iaitu sesuai. Maka dengan ini adalah jelas bahawa kandungan buku teks ini sesuai dengan sukatan pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan 4 KBSM.

### **Kesilapan Fakta Dan Maklumat Dalam Buku Teks**

Seringkali terdapat kesilapan mengenai fakta dan maklumat dalam kandungan sesebuah buku teks. Kesilapan ini kemungkinan berlaku semasa proses penulisan atau pun semasa pencetakan.

Apabila ditanya sama ada terdapat kesilapan fakta dan maklumat dalam buku teks yang menjadi bahan kajian ini, hanya 23.5% daripada guru menjawab ya, 58.8% menjawab tiada kesilapan fakta manakala 17.7% menjawab tidak tahu. Perkara ini dijelaskan dalam Jadual 4.3 di bawah:

**Jadual 4.3**

**Peratusan Persepsi Guru Mengenai Kesilapan Fakta Dan Maklumat Dalam Kandungan Buku Teks Ekonomi Asas Tingkatan 4**

Kekerapan	Bilangan (f)	Peratusan (%)
Ya	4	23.5
Tidak	10	58.8
Tidak Tahu	3	17.7

Jadual 4.3 di atas menunjukkan peratusan yang terbesar guru berpendapat tidak ada kesilapan mengenai fakta dan maklumat dalam kandungan buku teks ini dan sejumlah kecil (17.7%) tidak mengetahui kesilapan mengenainya. Seramai 4 orang guru yang telah menjawab ada kesilapan fakta dan maklumat.

Kesilapan-kesilapan yang telah disebutkan adalah mengenai peratus caruman individu dan majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada muka surat 59. Begitu juga untuk pengiraan cukai pendapatan perseorangan, kadar cukai yang diberikan dalam buku teks pada muka surat 60

bukan kadar yang terkini. Di samping itu, potongan-potongan pelepasan cukai juga tidak lengkap dan penulis juga tidak mengambil kira kekecualian rebat dalam pengiraan cukai pendapatan perseorangan. Manakala sebilangan kecil guru-guru ini juga telah menyatakan aliran pusingan pendapatan pada muka surat 208 telah dicetak terbalik.

### **Penerangan Konsep ekonomi**

Perbincangan tentang konsep ekonomi adalah amat penting supaya pelajar dapat memahami dan menghayati konsep-konsep ini dan dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian mereka. Penerangan konsep-konsep ekonomi ini terutamanya dalam buku teks adalah amat perlu memandangkan mata pelajaran ini adalah baru dan pelajar tidak pernah didedahkan kepada konsep-konsep ekonomi sebelum ini. Oleh itu, guru-guru telah ditanya, "Adakah konsep ekonomi diperkembangkan dengan jelas dalam buku teks ini?"

Dapatan daripada persoalan tersebut dipaparkan dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4

**Taburan Kekerapan Penerangan Konsep-Konsep Ekonomi**

Penerangan konsep-konsep ekonomi	Bilangan Guru	
	(f)	(%)
Tidak Jelas	-	-
Kurang Jelas	4	23.5
Jelas	13	76.5
Sangat Jelas	-	-

Dapatan daripada jadual 4.4 di atas jelas menunjukkan 76.5% guru berpendapat konsep-konsep ekonomi dalam buku teks ini diperkembangkan dengan jelas dan hanya 23.5% memberikan respons perkembangan konsep-konsep ini kurang jelas.

Apabila di tanya , “Adakah terdapat penerangan konsep yang salah?”, 82.4% guru-guru dalam sampel ini telah mengatakan tidak dan hanya 17.6% memberikan respons terdapat penerangan konsep yang salah. Konsep-konsep yang didapati salah telah dinyatakan dalam lingkungan satu hingga tiga sahaja.

Adalah sesuai dikatakan di sini bahawa penerangan konsep-konsep ekonomi dalam buku teks ini secara keseluruhan diperkembangkan dengan jelas dan bilangan konsep yang salah adalah dalam lingkungan angka yang kecil.



## Kesesuaian Kandungan Buku Teks Dengan Tahap Pencapaian Murid

Buku teks ekonomi yang baik seharusnya membantu pelajar untuk mengetahui konsep, teori, kaedah analisis asas ekonomi dan menguasai kemahiran minimum menggunakan perkara-perkara tersebut dalam memahami masalah-masalah ekonomi. Justeru, kesesuaian kandungan ini perlulah mengikut tahap pencapaian murid.

Sekiranya kandungan buku teks kurang sesuai dengan tahap pencapaian murid, keadaan ini boleh menjejaskan penguasaannya tentang pengetahuan atau kemahiran mengenai konsep, teori, dan analisis asas ekonomi. Masalah ini ketara bagi kumpulan murid sederhana dan lemah. Jawapan guru-guru tentang persoalan ini dapat dilihat dalam jadual 4.5.

Jadual 4.5

### Taburan Peratusan Persepsi Guru Mengenai Keseluruhan Kandungan Teks Ekonomi Asas Tingkatan 4 Mengikut Kesesuaian Tahap Pencapaian Murid

Tahap Pencapaian Murid	Cerdas	Sederhana	Lemah
Sangat Tidak Sesuai	-	-	6% (1)
Tidak Sesuai	6% (1)	-	23.5% (4)
Kurang Sesuai	23.5% (4)	29.4% (5)	17.5% (3)
Sesuai	53% (9)	70.6% (12)	53% (9)
Sangat Sesuai	17.5% (3)	-	-

Jadual 4.5 memaparkan 53% guru beranggapan keseluruhan kandungan buku teks ini adalah sesuai dengan tahap pencapaian murid cerdas dan 17.5% berpendapat ianya sangat sesuai. 17.5% guru telah menyatakan buku teks ini sangat sesuai pada murid cerdas tetapi 6% telah menyatakan buku teks ini tidak sesuai.

Bagi murid sederhana, peratus tertinggi iaitu 70.6% guru menganggap buku teks ini sesuai dan seramai 29.4% pula menganggapnya kurang sesuai. Manakala untuk murid lemah, 6% mengatakan buku teks ini sangat tidak sesuai, 23.5% tidak sesuai dan 17.5% pula telah menyatakan kurang sesuai. Peratus tertinggi sampel ini menjawab buku teks ini adalah sesuai untuk murid lemah.

Walaupun dapatan kajian ini menunjukkan lebih separuh daripada guru menyatakan kandungan buku teks ini sesuai dengan murid cerdas dan murid lemah tetapi 70% guru menganggapnya juga sesuai untuk murid sederhana.

### **Fungsi Gambar, Keluk, dan Jadual Dalam Buku Teks**

Dalam sesebuah buku teks ekonomi terdapat ilustrasi seperti gambar-gambar, keluk-keluk, jadual-jadual dan lain-lain yang boleh membantu murid memahami sesuatu perkara dan boleh menambahkan minat murid. Buku teks yang menjadi bahan kajian ini juga diselitkan dengan gambar-gambar, keluk-keluk, dan jadual-jadual untuk memudahkan penerangan konsep-konsep yang kompleks.

Taburan lengkap guru mengenai fungsi gambar-gambar, keluk-keluk dan jadual-jadual dibentangkan dalam Jadual 4.6 di bawah:

**Jadual 4.6**

**Taburan Peratusan Persepsi Guru Terhadap Fungsi Gambar, Keluk dan Jadual Dalam Buku Teks Ekonomi Asas Tingkatan 4**

Ilustrasi	Sangat Tidak Membantu	Tidak Membantu	Kurang Membantu	Sangat Membantu	Membantu
Gambar	6% (1)	-	23.5% (4)	47% (8)	23.5% (4)
Keluk	6% (1)	-	17.5% (3)	59% (10)	17.5% (3)
Jadual	6% (1)	-	11.7% (2)	53% (9)	29.3% (5)

Berdasarkan Jadual 4.6 di atas, dapat diperhatikan bahawa tidak ada seorang guru yang menganggap fungsi gambar, keluk, dan jadual sangat tidak membantu tetapi segelintir guru telah menyatakan ia tidak membantu iaitu sebanyak 6% sahaja. Peratus untuk kategori kurang membantu ialah 23.5% untuk gambar-gambar, 17.5% untuk keluk, dan 11.7% untuk jadual.

Dapatan kajian juga menunjukkan peratusan guru yang berpendapat fungsi keluk-keluk membantu murid memahami sesuatu perkara adalah tertinggi iaitu 59%, diikuti oleh fungsi jadual sebanyak 53%, dan akhir sekali fungsi gambar-gambar hanya 23.5% sahaja.

Pendapat guru untuk aspek sangat membantu mendapat respon yang agak sederhana sahaja. 23.5% guru mengatakan fungsi gambar-gambar adalah sangat membantu manakala 17.5% pula menjawab fungsi keluk-keluk sangat membantu dan 29.3% menyatakan fungsi jadual yang terdapat dalam buku teks adalah sangat membantu.

Kesimpulannya, dapat dikatakan di sini bahawa fungsi gambar-gambar, keluk-keluk, dan jadual-jadual dalam buku teks ini dapat membantu murid mempertingkatkan kefahaman mereka terhadap pengetahuan ekonomi.

### **Fungsi Latihan Dan Aktiviti Dalam Membantu Pengukuhan Dan Pemahaman Murid**

Dalam sesebuah buku teks, latihan, dan aktiviti memainkan peranan penting dalam pengukuhan pemahaman murid. Latihan dan aktiviti yang diketengahkan dalam buku teks boleh merangsangkan murid untuk menyelesaikan masalah sendiri tanpa pertolongan daripada orang lain. Dalam buku teks ini juga terdapat pelbagai aktiviti dan di akhir setiap bab disediakan juga latihan untuk menguji kefahaman dan daya ingatan murid. Jawapan-jawapan guru terhadap persoalan fungsi latihan dan aktiviti dalam membantu pengukuhan dan pemahaman murid dipaparkan dalam Jadual 4.7.

**Jadual 4.7**

**Taburan Peratusan Persepsi Guru Terhadap Fungsi Latihan Dan Aktiviti Dalam Membantu Pengukuhan Dan Pemahaman Murid**

Ilustrasi	Sangat Tidak Membantu	Tidak Membantu	Kurang Membantu	Membantu	Sangat Membantu
Latihan	2 (11.6%) (2)	-	8 (47%) (8)	6 (35.4%) (6)	1 (6%) (1)
Aktiviti	1 (6%) (2)	-	9 (53%) (9)	7 (41%) (7)	3 (17.5%) (3)

Hasil dapatan dari jadual 4.7 menunjukkan tiada guru beranggapan latihan dan aktiviti tidak membantu pengukuhan dan pemahaman murid tetapi peratus yang kecil iaitu 11.6% menganggap latihan dalam buku teks ini sangat tidak membantu dan 6% menganggap aktiviti juga sangat tidak membantu. Peratus yang tertinggi sampel menyatakan latihan (47%) dan aktiviti (53%) adalah kurang membantu.

Peratusan guru yang menjawab fungsi latihan dan aktiviti membantu pengukuhan dan pemahaman murid adalah 35.4% dan dari aspek aktiviti pula 41% menganggap ianya dapat membantu murid. Peratusan yang kecil sahaja iaitu hanya 6% daripada guru memberikan jawapan latihan dalam buku teks ini sangat membantu murid memahami konsep-konsep ekonomi.

### **Kesesuaian Penggunaan Bahasa Dengan Tahap Penguasaan Bahasa Pelajar Tingkatan 4**

Bahasa yang digunakan dalam buku-buku teks mempunyai pengaruh yang kuat dalam menyampaikan pengetahuan kepada murid-murid. Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia mewajibkan penggunaan bahasa baku dalam semua buku-buku teks yang diterbitkan untuk sekolah-sekolah di Malaysia. Selain itu, pengolahan bahasa dalam buku teks mestilah sesuai dengan murid yang menjadi sasaran buku teks berkenaan. Oleh demikian, sampel kajian ini juga telah disoal tentang kesesuaian bahasa yang digunakan dalam buku teks ini. Respons kepada persoalan ini dinyatakan dalam Jadual 4.8 di bawah:

**Jadual 4.8**

#### **Taburan Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Penggunaan Bahasa Pelajar Tingkatan 4**

Penggunaan Bahasa	Bilangan Guru	
	(f)	(%)
Tidak Sesuai	-	-
Kurang Sesuai	2	11.7
Sesuai	14	82.3
Sangat Sesuai	1	6

Jadual 4.8 jelas menunjukkan bahawa 82.3% guru-guru beranggapan bahasa yang digunakan dalam buku teks ini sesuai. Dua orang guru iaitu 11.7% menyatakan kurang sesuai dan hanya 6% memberikan jawapan bahasa yang digunakan dalam buku teks ini adalah sangat sesuai dengan tahap penguasaan bahasa pelajar tingkatan 4.

Dapat dikatakan di sini bahawa penggunaan bahasa secara umumnya adalah sesuai dengan tahap penguasaan bahasa pelajar tingkatan empat.

### **Kesesuaian Saiz Huruf Dalam Buku Teks**

Selain penggunaan bahasa yang sesuai dengan kumpulan sasar sesuatu buku teks, saiz dan jenis huruf cetak juga boleh mempengaruhi mutu sesuatu buku teks. Jawapan guru-guru terhadap kesesuaian saiz huruf dalam buku teks Ekonomi Asas Tingkatan 4 dibentangkan dalam Jadual 4.9 di bawah:

**Jadual 4.9**

### **Taburan Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Saiz Huruf Dalam Buku Teks**

Saiz Huruf	Bilangan Guru	
	(f)	(%)
Tidak Sesuai	-	-
Kurang Sesuai	1	6
Sesuai	14	82.3
Sangat Sesuai	2	11.7

Jawapan kepada persoalan di atas hampir sama dengan persoalan tentang kesesuaian penggunaan bahasa iaitu sebilangan besar guru (82.3%) berpendapat saiz huruf dalam buku teks ini adalah sesuai dengan 11.7% menyatakan sangat sesuai dan hanya 6% yang menjawab saiz huruf dalam buku teks ini kurang sesuai.

### **Gaya Penulisan Buku Teks**

Gaya penulisan dalam buku teks ekonomi merupakan aspek penting dalam meningkatkan motivasi murid dan merupakan alat penting untuk menambahkan minat mereka mendalami serta memahami konsep-konsep ekonomi. Oleh itu, guru-guru juga telah ditanya, "Adakah gaya penulisan buku teks ini menarik?". Dapatan persoalan ini dibentangkan dalam Jadual 4.10.

**Jadual 4.10**

**Taburan Persepsi Guru Tentang Gaya Penulisan Buku Teks**

Gaya Penulisan	Bilangan Guru	
	(f)	(%)
Tidak Menarik	-	-
Kurang Menarik	7	41.2
Menarik	9	52.8
Sangat Menarik	1	6



Adalah jelas dari Jadual 4.10 bahawa hampir separuh (52.8%) daripada guru-guru berpendapat gaya penulisan dalam buku teks ini menarik. Manakala 41.2% berpendapat kurang menarik, dan hanya 6% berpendapat gaya penulisan dalam buku teks ini adalah sangat menarik untuk merangsangkan minat murid mendalami mata pelajaran ini.

Ini jelas menunjukkan gaya penulisan buku teks ini secara keseluruhannya menarik untuk murid-murid tingkatan empat.

### **Kesesuaian Penggunaan Istilah-Istilah Ekonomi**

Penggunaan istilah-istilah ekonomi dalam buku teks ekonomi adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Istilah-istilah yang abstrak jika tidak diperkembangkan dengan jelas boleh menjejaskan kemampuan murid menghayati dan memahami konsep-konsep ekonomi terutama kepada murid yang baru didedahkan kepada mata pelajaran Ekonomi Asas.

Pendapat guru-guru terhadap kesesuaian penggunaan istilah-istilah ekonomi diringkaskan dalam Jadual 4.11.

**Jadual 4.11**

**Taburan Peratusan Persepsi Guru Tentang Penggunaan Istilah-Istilah Ekonomi**

Istilah-istilah Ekonomi	Ya		Tidak	
	(f)	(%)	(f)	(%)
Tepat	16	94	1	6
Kemaskini	12	70.6	5	29.4
Konsisten	15	88.2	2	11.8

Jika diperhatikan Jadual 4.11 di atas, adalah ketara bahawa guru-guru berpendapat penggunaan istilah-istilah adalah tepat (94%) berbanding dengan hanya 6% yang menjawab tidak tepat. Manakala dari aspek istilah-istilah tersebut adalah kemaskini atau tidak, sejumlah 70.6% guru setuju istilah-istilahnya kemaskini berbanding dengan 29.4% berpendapat sebaliknya. Apabila ditanya sama ada penggunaan istilah-istilah adalah konsisten atau tidak, pada umumnya guru-guru memberikan jawapan sesuai iaitu 88.2% menjawab ya berbanding dengan 11.8% memberikan jawapan penggunaan istilah-istilah adalah tidak konsisten.

Di sini dapat dirumuskan bahawa penggunaan istilah-istilah secara umumnya adalah tepat, kemaskini, dan konsisten. Guru-guru yang telah menyatakan tidak tepat, tidak kemaskini, dan tidak konsisten memberikan contoh-contoh sebab mereka berpendapat sedemikian. Antara contoh-contoh

yang telah disebutkan adalah berkaitan dengan penggunaan istilah-istilah lama seperti penggunaan istilah Simpanan Tetap, Simpanan Tabungan, dan Simpanan Semasa yang seharusnya mestilah Akaun Deposit Tetap, Akaun Deposit Tabungan, dan Akaun Deposit Semasa. Selain itu, penggunaan istilah-istilah lama juga digunakan dalam pengiraan cukai pendapatan perseorangan.

### **Penggunaan Buku Teks Lain**

Kajian ini juga cuba meninjau penggunaan buku teks Ekonomi Asas selain buku teks yang dibekalkan di bawah Skim Pinjaman Buku Teks. Maka dengan itu guru-guru juga telah diminta untuk menyatakan penggunaan buku-buku teks.

Dapatan kajian ini mendapati 58.8% daripada guru mengetahui tentang kewujudan buku teks lain selain buku teks yang dibekalkan kepada sekolah mereka berbanding dengan 41.2% yang tidak mengetahui akan kewujudan buku teks lain. Buku teks lain yang dimaksudkan oleh mereka adalah buku teks Ekonomi Asas Tingkatan 4 hasil Penerbitan Ibunda yang ditulis oleh Ishak Shaari dan Wong Siew Kong.

Selain itu, kajian ini juga mendapati 82.4% daripada guru tidak pernah merujuk kepada buku teks lain selain buku teks yang diperuntukan di bawah Skim Pinjaman Buku Teks untuk tujuan pengajaran mereka di kelas. Sebaliknya, hanya 17.6% guru yang pernah merujuk kepada buku teks lain

selain buku teks yang dibekalkan kepada sekolah bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

**Kegunaan Aktiviti, Gambarajah, Rumusan Di Akhir Bab, Glosari, Dan Indeks Dari Aspek Pengajaran Dan Pembelajaran**

Penggunaan aktiviti-aktiviti, gambarajah, rumusan di akhir bab, glosari, dan indeks dalam buku teks boleh memantapkan penguasaan ilmu pengetahuan dan konsep-konsep ekonomi bagi pihak guru dan juga bagi pihak murid. Buku teks dalam kajian ini ada menyediakan kesemua aspek tersebut dan hasil dapatan persoalan ini dibentangkan dalam Jadual 4.12 di bawah:

**Jadual 4.12**

**Taburan Peratusan Persepsi Guru Terhadap Kegunaan Aktiviti, Gambarajah, Rumusan Di Akhir Bab, Glosari, Dan Indeks Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran**

Pembolehubah	Tidak Berguna	Kurang Berguna	Berguna	Sangat Berguna
Aktiviti	-	35.3% (6)	52.9% (9)	11.8% (2)
Gambarajah	6% (1)	11.8% (2)	46.9% (8)	35.3% (6)
Rumusan Di Akhir Bab	-	17.6% (3)	58.8% (10)	23.6% (4)
Glosari	-	17.6% (3)	64.8% (11)	17.6% (3)
Indeks	6% (1)	29.4% (5)	35.2% (6)	29.4% (5)

Berpandukan kepada Jadual 4.12 dirumuskan bahawa aktiviti yang terkandung dalam buku teks ini adalah berguna iaitu 52.9% daripada guru telah memilih jawapan ini. Ini diikuti oleh sangat berguna (11.8%), dan kurang berguna pula ialah 35.3%.

Gambarajah yang terdapat dalam buku teks ini dikatakan berguna dari segi pengajaran dan pembelajaran iaitu menjadi pilihan 46.9% guru. Sangat berguna menjadi pilihan 35.3% guru, kurang berguna (11.8%), dan tidak berguna hanyalah 6% guru.

Rumusan di akhir bab juga dikatakan berguna dengan mendapat peratus yang tertinggi iaitu 58.8%, diikuti oleh sangat berguna, 23.6%, dan akhir sekali adalah pilihan kurang berguna sebanyak 17.6%.

Glosari yang disediakan pada akhir buku teks ini juga mendapat perhatian guru-guru. 64.8% guru berpendapat berguna, 17.6% masing-masing berpendapat glosari kurang berguna, dan sangat berguna dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Begitu juga keadaannya untuk indeks. Peratus tertinggi masih lagi mengatakan indeks berguna iaitu 35.2%. Ini diikuti oleh pilihan kurang berguna, dan sangat berguna masing-masing mencatatkan 29.4% manakala 6% guru berpendapat indeks yang terkandung dalam buku teks ini adalah tidak berguna.

Dapat dirumuskan di sini bahawa kegunaan aktiviti, gambarajah, rumusan di akhir bab, glosari dan indeks secara keseluruhannya adalah berguna dalam memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Cadangan Guru Untuk Meningkatkan Mutu Kandungan Buku Teks Ini**

Persoalan terakhir kajian ini telah meminta guru mengemukakan cadangan untuk meningkatkan mutu kandungan buku teks Ekonomi Asas dalam kajian ini. Antara cadangan-cadangan yang telah diberikan oleh responden dirumuskan di bawah:

- i. Menambahkan gambar-gambar, gambarajah-gambarajah, dan istilah-istilah penting secara berwarna warni supaya pelajar lebih tertarik lagi.
- ii. Mengemaskinkan maklumat, fakta, dan data statistik yang sudah ketinggalan supaya tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan guru dan pelajar.
- iii. Mengadakan maksud istilah dan konsep-konsep ekonomi di awal tiap-tiap tajuk untuk meningkatkan pemahaman pelajar.
- iv. Mengurangkan huraian dan pendahuluan yang panjang lebar tetapi ringkas dan padat dengan huraian yang mudah.
- v. Perbanyakkan latihan pengiraan terutama pengiraan KWSP, cukai pendapatan perseorangan, zakat, dan yang terpenting pengiraan keanjalan.

- vi. Menambahkan ilustrasi keluk-keluk misalnya untuk jenis-jenis keanjalan.
- vii. Penggunaan rumusan yang mudah di akhir bab.
- viii. Memberikan contoh-contoh soalan peperiksaan SPM di akhir bab bersama-sama dengan contoh jawapan.